

22/08/2001

PM harap SNNi jadi sumber berita berwibawa

KAMPALA (Uganda), Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap, Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi) yang dilancarkan sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001) di sini semalam, akan muncul sebagai sumber berita berwibawa.

"Dalam usaha memperkenalkan sesebuah negara, kita perlu berwibawa kerana jika kita mula memberikan hanya gambaran buruk mengenai sesebuah negara yang sememangnya tidak benar, orang tidak akan membacanya.

"Oleh itu, saya berharap anda semua perlu membuat pilihan secara berhati-hati. Seperti disebut Presiden Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, bahagikan akhbar kepada dua bahagian...berita baik dan buruk. Kini terpulang kepada wartawan untuk memecahkan monopoli media antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ucapan pada majlis makan malam sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika-Global 2001 (SAID-Global 2001), di Pusat Peranginan Speke, Monyonyo, dekat sini malam tadi.

Sebelum itu, beliau bersama Museveni dan Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, melancarkan secara rasmi SNNi.

Perdana Menteri berkata, SNNi mempunyai peluang luas untuk memberikan gambaran sebenar apa yang berlaku di Malaysia dan negara Afrika yang menjadi anggota rangkaian berita itu.

"Janganlah tulis sesuatu yang melanggar etika dan penuh dengan fakta yang salah kerana ia akan menghilangkan kepercayaan pembaca," katanya sambil menambah, kebanyakan laporan media Barat mengenai Malaysia dan Afrika tidak berdasarkan fakta.

Dr Mahathir berkata, pelancaran SNNi juga adalah suatu pencapaian terbaik yang boleh dilihat hasil dialog perkongsian pintar.

Di kebanyakan negara Afrika, media tidak begitu baik dengan kerajaan dan tiada yang baik dilaporkan mengenai negara-negara berkenaan.

(END)